

06 JAN 2003

MAHATHIR-LANGKAH/I

KERAJAAN MUNGKIN LAKSANA SATU LAGI PAKEJ RANGSANGAN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Kerajaan mungkin akan melaksanakan satu lagi pakej rangsangan tahun ini bagi menggalakkan kepesatan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Langkah-langkah seperti menyuntik lebih banyak dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang bagi projek-projek jangka pendek mungkin dilaksanakan bagi meningkatkan pengedaran wang, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perdana keempat Perkhidmatan Awam dan majlis perasmian Pusat Teknologi Pengurusan Institut Tadbiran Awam (Imatec), di sini.

Beliau telah diminta mengulas mengenai langkah yang mungkin diambil oleh kerajaan bagi melindungi ekonomi negara daripada mengalami kegawatan.

Sekiranya pakej rangsangan dilaksanakan, ia akan merupakan kali ketiga dilaksanakan sejak suku pertama 2001.

Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan pada Mac 2001 dengan menyuntik RM3.0 bilion dan menambah RM4.3 bilion lagi pada akhir 2001 selepas serangan 11 Sept. terhadap Amerika Syarikat.

Mengenai insentif bagi pelabur asing, Dr Mahathir berkata ianya akan terus diberikan.

"Kita selalu duduk berbincang dengan mereka dan bertanya mereka apa lagi yang mereka mahu kita lakukan. Tetapi pada masa yang sama kita tahu tidak banyak wang digerakkan dan orang ramai bimbang.

"Ianya bukan apa yang kita tidak boleh lakukan, ia adalah apa yang mereka percaya dalam kemampuan pelaburan mereka," katanya semasa mengulas mengenai senario pelaburan Malaysia. -- BERNAMA

NM SHY NHD JR